

# Menteri selar penduduk tidak gemar politik setelah terima kemajuan

KUALA LUMPUR, Ahad — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini menyelar sikap sebahagian penduduk khususnya di bandar yang tidak cenderung bergiat dalam politik dan sosial setelah mencapai kemajuan dan mendapat kemudahan yang diberi kerajaan.

Sebaliknya kata beliau, penduduk kawasan setinggian yang belum menikmati kemudahan kerajaan lebih berminat dalam politik dan kegiatan masyarakat.

"Saya kesal, sepatunya semakin tinggi tahap kemajuan yang dicapai, semakin giat lagi mereka melibatkan diri dalam politik dan sosial.

"Di samping itu, semakin banyak terhutang budi kepada kerajaan, semakin besar sokongan terhadap kegiatan politik dan sosial yang dijalankan," kata beliau.

Datin Paduka Rafidah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pesta ria anjuran Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO cawangan Rumah Pangsa Taman Keramat dekat sini pagi ini.

Beliau seterusnya berkata, satu masyarakat yang dinamis dapat diwujudkan jika

penduduk negara ini melibatkan diri dalam kegiatan politik dan sosial harian.

"Kita mahukan masyarakat yang dinamis dan bukan masyarakat yang statik," ujarnya.

Selain itu katanya, kita tidak mahu masyarakat negara ini menjadi masyarakat mengundi.

Menurut beliau, penglibatan masyarakat setempat dalam setiap kegiatan yang dijalankan adalah perlu bagi menjamin pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia